

Warta ENDOWMEN

M E N Y U M B A N G & B E R K E M B A N G

BIL. 2, JANUARI 2018



**SASARAN ENDOWMEN 2017
RM20 JUTA**

Tabung	Sasaran	Pencapaian	Peratus
Tabung Endowmen Universiti	RM10 Juta	RM11,280,039	113%
Tabung Endowmen Fakulti	RM10 Juta	RM477,535	4.8%
JUMLAH	RM20 Juta	RM11,757,574	58.9%

TABUNG ENDOWMEN UNIVERSITI CAPAI SASARAN 2017

Pada tahun 2017, UTM telah meletakkan sasaran penjanaan RM20 juta sumbangan endowmen, iaitu RM10 juta Tabung Endowmen Universiti, dan RM10 juta Tabung Endowmen Fakulti. Perancangan dan penjanaan Tabung Endowmen Universiti adalah di bawah tanggung jawab Unit Endowmen UTM, sementara perancangan dan penjanaan Tabung Endowmen Fakulti adalah di bawah tanggung jawab Fakulti, dengan kawal selia dan nasihat Unit Endowmen UTM. Jumlah sasaran Tabung Endowmen Fakulti adalah berbeza-beza mengikut jumlah staf fakulti.


Dengan sokongan padu Pengurusan Tertinggi Universiti, staf dan alumni UTM, serta syarikat, pihak korporat dan individu, Tabung Endowmen UTM telah berjaya mengumpulkan dana sumbangan sebanyak RM11,280,039.00, melebihi sasaran RM10 juta yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti. Pencapaian ini antaranya dibantu dengan hadirnya penyumbang baharu dengan jumlah sumbangan yang agak besar, iaitu penyaluran dana sebanyak RM3 juta daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia (IRDA) ke Tabung Endowmen UTM.

Sementara itu, pencapaian Tabung Endowmen Fakulti masih rendah dengan jumlah keseluruhan kutipan sebanyak RM477,535.00, dan masih jauh dari sasaran RM10 juta yang ditetapkan pada tahun 2017. Prestasi ini dapat difahami kerana 2017 merupakan tahun pertama fakulti mula dilibatkan dalam pengumpulan dana endowmen. Dengan kefahaman dan momentum yang semakin baik, adalah diyakini prestasi fakulti dalam pengumpulan dana endowmen ini akan meningkat pada tahun 2018.



AHIBS CEMERLANG

Syabas dan Tahniat diucapkan kepada Dekan dan seluruh warga Azman Hashim International Business School (AHIBS), UTM Kuala Lumpur atas kecemerlangan dalam pengumpulan dana Tabung Endowmen Fakulti pada tahun 2017. AHIBS telah berjaya mengumpulkan dana Tabung Endowmen AHIBS sebanyak RM233,479.00, melebihi sasaran yang telah ditetapkan Universiti sebanyak RM171,254.00 pada tahun 2017. Kejayaan AHIBS ini seharusnya menjadi contoh dan pendorong kepada fakulti lain dalam mencapai sasaran Tabung Endowmen Fakulti masing-masing.



SEMAKIN BANYAK
MEMBERI
SEMAKIN BANYAK
MENERIMA



Pena PENGARANG

SIDANG REDAKSI

Penasihat:	Prof. Dr. Azlan Ab Rahman
Ketua Editor:	Prof. Madya Dr. Yusof Boon
Editor:	Nurin Asyika Abd Jalel
Percetakan:	Zuraidah Abd Ghani
Pengedaran:	Tuan Khamsani Tuan Lega
Alamat:	Unit Endowmen Aras 4, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim UTM, Skudai, Johor
Telefon:	07-5530283/1042/1043
Email:	endowmen@utm.my
Faks:	07-5531046
Laman Web:	www.endowmen.utm.my

Assalamualaikum wrt. wbh,
Salam 1 Malaysia, Salam Muafakat
Johor & Salam 1 UTM, Sanjungan
Bangsa

Terlebih dahulu Endowmen UTM ucapkan "Selamat Tahun Baharu", dan semoga tahun 2018 ini akan lebih bermakna dan memberi lebih banyak kejayaan kepada kita semua. Khususnya dalam meningkatkan ibadah masing-masing, dan dalam memperbanyakkan sedekah jariah.

Pada kesempatan ini Endowmen UTM juga ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pihak khususnya staf, pelajar dan alumni UTM, yang telah bermurah hati menyumbang ke Tabung Endowmen UTM, sama ada secara tunai ataupun melalui potongan gaji. Ucapan jutaan terima kasih juga disampaikan kepada individu dan syarikat di luar UTM yang telah menyumbang ke Tabung Endowmen UTM pada tahun 2017, khususnya kepada syarikat yang telah menyumbang dalam skala besar, antaranya Amcorp (RM5 juta), IRDA (RM3 juta) dan JohorPort (RM1 juta). Pada umumnya, semua sumbangan yang diterima akan digunakan untuk membantu pelajar UTM yang menghadapi masalah kewangan, sama ada dalam bentuk biasiswa ataupun bantuan untuk membeli keperluan harian. Dana yang diterima daripada pihak IRDA pula akan digunakan untuk membiayai pelaksanaan Kursi Profesor IM@UTM seperti yang diminta oleh pihak penyumbang.

Endowmen UTM terus komited untuk menambah jumlah dana sedia ada bagi membantu lebih banyak lagi pelajar UTM yang memerlukan bantuan, terutamanya dengan mengambil kira lebih kurang 50 peratus pelajar UTM adalah datang dari keluarga kurang berkemampuan (B40). Berdasarkan dana yang berjaya dikumpulkan sehingga Disember 2017, Endowmen UTM telah memberikan biasiswa kepada 635 orang pelajar dari pelbagai program pengajian, fakulti, dan kaum, serta memberi bantuan kepada 109 orang pelajar yang menghadapi masalah kewangan.

Pada tahun 2018 adalah diharapkan 'Budaya Menyumbang' menjadi semakin subur dengan lebih banyak pihak menyumbang ke Tabung Endowmen UTM, serta amat mengalu-alukan penyumbang sedia ada untuk menambah jumlah sumbangan masing-masing.

Semoga sumbangan sedekah jariah para penyumbang diberkati dan memperoleh ganjaran daripadanya.

Sekian, terima kasih dan wassalam.

**"SEDEKAH ITU BARAKAH
HIDUP BERTAMBAH
MUDAH DAN INDAH"**

PROF. MADYA DR. YUSOF B. BOON
Pengarang
Unit Endowmen
Universiti Teknologi Malaysia

*Naungan
orang yang
beriman pada Hari
Kebangkitan
adalah sedekahnya.
(Nabi Muhammad SAW)*





Suburkan BUDAYA MENYUMBANG



Cambridge sebanyak 6.250 bilion pound dan Universiti Oxford sebanyak 2.34 bilion pound. Dengan adanya dana endowmen yang banyak, segala keperluan pembangunan dan kebajikan pelajar universiti tersebut dapat dipenuhi dan dilaksanakan dengan cepat.

Amalan terpuji yang amat dituntut ini perlu disubur dan diperkasakan dalam kalangan masyarakat di negara ini, termasuklah masyarakat di institusi pengajian tinggi, seperti UTM. Amalan konvensional bersedekah jariah sebelum ini yang lebih tertumpu kepada membantu masyarakat miskin, pembinaan masjid, surau, madrasah dan sebagainya, perlu dikembangkan dengan turut memberi perhatian kepada pelajar yang menghadapi masalah kewangan dan sedang berjihad dengan menuntut ilmu. Bilangan pelajar yang memerlukan bantuan ini sememangnya banyak, dan di UTM sahaja lebih kurang 50 peratus daripada mereka datang dari keluarga yang kurang berkemampuan (B40). Pelajar-pelajar ini amat memerlukan sokongan dan bantuan bagi mengikuti program pengajian masing-masing dengan baik dan lancar.



Bagi masyarakat Islam, amalan bersedekah ini amatlah dituntut dan Allah SWT telah berfirman yang maksudnya "Kamu tidak sekali-kali akan mencapai kebaikan (yang sempurna sehingga kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi, dan apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah maha mengetahui". (Surah Ali Imran: 92)

Dalam menyuburkan Budaya Menyumbang dalam kalangan warga UTM dan masyarakat, serta memudahkan penyumbang menyalurkan sumbangan, Unit Endowmen UTM telah memperkenalkan beberapa kaedah baharu menyumbang ke Tabung Endowmen UTM pada tahun 2018. Antara kaedah yang baharu diperkenalkan adalah melalui Jompay AmBank-Endowmen UTM, potongan melalui akaun bank penyumbang dan pembukaan akaun baharu Endowmen UTM di AmBank. Kaedah sedia ada, iaitu melalui potongan gaji (staf UTM sahaja) dan kredit ke akaun UTM di CIMB Bank masih berjalan seperti biasa dan akan terus digunakan.

Univeriti Teknologi Malaysia beriltizam dan terus komited mencontohi amalan baik dan terpuji beberapa universiti terkemuka, seperti Universiti Harvard, Universiti Cambridge, Universiti Oxford, dan beberapa universiti yang lain, dalam menyuburkan budaya menyumbang dalam kalangan alumni dan masyarakat. Antara faktor yang telah membantu universiti terkemuka tersebut berkembang pesat adalah adanya dana endowmen yang banyak, hasil sumbangan alumni, masyarakat dan pihak korporat. Universiti Harvard memiliki dana endowmen sebanyak 37.1 bilion dolar, Universiti

TIGA PELAJAR TERIMA BIASISWA ENDOWMEN ALUMNI UTM



Datuk Naib Canselor UTM menyerahkan tawaran Biasiswa Endowmen Alumni UTM kepada salah seorang penerima

Tiga orang pelajar UTM telah dianugerahkan Biasiswa Endowmen Alumni UTM pada sesi akademik 2017/2018 yang lalu. Kriteria utama pemberian biasiswa ini adalah berdasarkan kecemerlangan akademik dan latar belakang keluarga pelajar. Ketiga-tiga pelajar tersebut ialah Muhamad Abdul Rahman Auf b. Mustapa Kamal (FKE), Norhafizie b. Hawwari (FKE) dan Thnaysha A/P Murugan (FKA).

Pemberian biasiswa ini adalah menggunakan dana Tabung Endowmen Alumni UTM dengan setiap pelajar menerima biasiswa sebanyak RM9,000.00 setahun. Dana Tabung Endowmen Alumni UTM adalah hasil sumbangan ikhlas Alumni UTM. Pada masa ini lima orang pelajar telah menerima Biasiswa Endowmen Alumni UTM.

10 BIASISWA ENDOWMEN MERDEKA DITAWARKAN

Pihak Pengurusan Endowmen UTM telah bersetuju untuk menawarkan Biasiswa Endowmen Merdeka kepada 10 pelajar baharu UTM bagi sesi 2017/2018. Sesi temubual kepada pemohon telah diadakan pada 31 Disember 2017, dan kriteria utama pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan dalam akademik, aktiviti kokurikulum dan latar belakang keluarga. Pemohon yang berjaya akan menerima biasiswa berjumlah RM12,000 setahun.



Sesi temubual calon Biasiswa Endowmen UTM

LATAR BELAKANG DAN OBJEKTIF TABUNG ENDOWMEN UTM

Universiti Teknologi Malaysia beriltizam dan berusaha untuk mencontohi amalan baik beberapa universiti tersohor, seperti Universiti Cambridge, di United Kingdom, Universiti Harvard, di Amerika Syarikat, dan Universiti Al-Azhar, di Mesir yang dapat berkembang dengan pesat dan maju kerana mempunyai sumber endowmen yang besar untuk menampung keperluan operasi, pembangunan, penyediaan kemudahan kepada pelajar, dan membantu pelajar yang menghadapi masalah kewangan untuk meneruskan pengajian masing-masing.

Tabung Endowmen UTM yang diwujudkan pada tahun 2009 adalah menepati dan selari dengan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara yang menyasarkan Universiti Awam (UA) di negara ini untuk menjana pendapatan sendiri bagi menampung keperluan kewangan universiti, khususnya untuk membantu pelajar UTM yang menghadapi masalah kewangan.

Antara objektif utama pengwujudan Tabung Endowmen UTM dan penggunaan hibah daripada pelaburan wang sumbangan adalah untuk:

- 1** Pemberian biasiswa kepada mahasiswa UTM yang memenuhi syarat yang ditetapkan.
- 2** Membantu mahasiswa UTM yang memerlukan bantuan kewangan.
- 3** Penajaan Kursi Profesor (sekiranya diminta oleh penyumbang).
- 4** Penerbitan bahan saintifik.
- 5** Pelaksanaan program berimpak tinggi.

Pada umumnya, segala sumbangan yang diterima dalam Tabung Endowmen UTM akan dilaburkan dalam aktiviti patuh syariah, dan hibah daripada pelaburan tersebut sahaja yang akan digunakan dalam melaksanakan aktiviti yang sesuai dengan objektif pengwujudan Tabung Endowmen UTM. Ini bermakna sumbangan ke Tabung Endowmen UTM adalah bersifat kekal dan terus berkembang dari semasa ke semasa.

PANDANGAN PENERIMA BIASISWA ENDOWMEN UTM

PENGURUSAN TABUNG ENDOWMEN UTM

Dana Tabung Endowmen UTM telah diuruskan dengan baik dan telus, serta dikawal selia oleh Jawatankuasa Pemegang Amanah yang berpengalaman dan berwibawa.

JAWATANKUASA PEMEGANG AMANAH ENDOWMEN UTM



Y.Bhg. Tan Sri Abdul Halim b. Ali (Pengerusi)
Pengerusi, Malaysia Building Society Berhad



Y.Bhg. Dato' Ir. Low Keng Kok (Tim. Pengerusi)
Ketua Pegawai Eksekutif
Fajarbaru Builder Group Sdn Bhd



Y.Bhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid b. Omar
Naib Canselor UTM



Y.Bhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini b. Ujang
Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga,
Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)



Y.Bhg. Prof. Tan Sri Dato' (Dr.) Ir. Jamilus b. Hussein
Ketua Pegawai Eksekutif, KLIA Holdings



Y.Bhg. Tan Sri Shahril b. Shamsuddin
Presiden, Sapura Kencana Petroleum Berhad



Y.Bhg. Dato' Abu Bakar b. Mohd Nor
Ketua Pegawai Eksekutif
PEREMBA (Malaysia) Sdn Bhd



Y.Bhg. Dato' Azmi b. Ali
Senior Partner, Azmi & Associates



Y.Bhg. Dato' Wei Chuan Beng
Pengerusi Eksekutif, Tookar Sdn Bhd



Y.Bhg. Datuk (Dr.) Rameli b. Musa
Timbalan Pengarah, Ingress Corporation Berhad



Y.Bhg. Dato' Yahya b. A. Jalil
Pengarah Urusan, Gerbang Perdana Sdn Bhd

Siti Norfarhah Nomanshah
Ijazah Sarjana Muda (Perakaunan)

“Biasiswa Endowmen yang diterima telah membantu kehidupan seharian saya sebagai mahasiswa UTM. Terima kasih kepada para penyumbang.”

Tar Yoke Hui
Ijazah Sarjana Muda (Perakaunan)

“Saya menggunakan Biasiswa Endowmen untuk membayar yuran pengajian di UTM dan menampung keperluan harian saya.”

Ram Kumar Rao A/L Nagarajan
Ijazah Sarjana Muda (Petroleum)

“Biasiswa Endowmen telah banyak membantu mahasiswa dalam mengikuti program pengajian dan keperluan harian di UTM.”

UTM HARGAI JASA TAN SRI AZMAN HASHIM



Tan Sri Azman menyampaikan ucapan.

Universiti Teknologi Malaysia telah menganugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Doktor Kepimpinan Pengurusan kepada YBhg. Tan Sri Azman Hashim, Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pengasas Kumpulan AmBank, sempena Majlis Konvokesyen UTM ke-59 pada 28 Oktober 2017.

Penganugerahan ini merupakan pengiktirafan UTM atas sumbangan besar dan sangat bermakna yang telah diberikan oleh Tan Sri Azman kepada pembangunan masyarakat di negara ini dan sejangat. Bagi UTM, sumbangan Tan Sri Azman amat bermakna dan banyak membantu pelajar UTM yang menghadapi masalah kewangan dalam mengikuti program pengajian masing-masing dengan pengwujudan Tabung Biasiswa Azman Hashim di UTM. Tabung Biasiswa Azman Hashim yang diurus Unit Endowmen UTM mendapat sumbangan dana sebanyak RM30 juta, iaitu RM5 juta setahun selama enam tahun daripada Yayasan Azman Hashim, Amcorp Group.



Tan Sri Azman menerima Ijazah Kehormat Doktor Kepimpinan Pengurusan daripada DYMM Canselor UTM


Antara jasa dan sumbangan Tan Sri Azman Hashim kepada negara dan masyarakat sejangat ialah beliau pernah berkhidmat di Bank Negara Malaysia (1960), menubuhkan Firma perakaunan Azman & Co (1964), Pengarah Eksekutif Malayan Banking Berhad (1971), Pengerusi Eksekutif Kwong Yik Bank Berhad (1982), menubuhkan AmBank dengan pengambilalihan Taiping Textiles Berhad dan Arab-Malaysia Development Bank Berhad.

Berdasarkan pelbagai peranan penting yang telah dimainkan dan banyak jasa yang telah disumbangkan, sudah sewajarnya UTM mengiktiraf peranan dan sumbangan Tan Sri Azman Hashim dengan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kepimpinan Pengurusan. Semoga dengan penganugerahan ini, hubungan Tan Sri Azman Hashim, Amcorp dan AmBank dengan UTM bertambah erat dan dapat membantu UTM menjadi universiti yang lebih cemerlang dan berjaya.

SIGNAGE AZMAN HASHIM INTERNATIONAL BUSINESS SCHOOL

Pengurusan Universiti telah bersetuju dengan pemasangan signage Azman Hashim International Business School di Menara Razak sebagai sebahagian dari persetujuan antara UTM dengan Amcorp atas kesediaan Amcorp memberi sumbangan sebanyak RM5 juta setahun selama enam tahun ke Tabung Endowmen UTM. Signage tersebut akan dipasang di bahagian paling atas Menara Razak dan akan terus berada di situ selama 10 tahun. Selepas itu, pengekalan signage tersebut bergantung kepada perbincangan dan persetujuan antara UTM dengan Amcorp.

Kerja-kerja yang diuruskan dan dikawal oleh Pejabat Harta Bina UTM Kuala Lumpur telah bermula dan dijangka siap sepenuhnya akhir Januari 2018.



Lakaran Signage Azman Hashim International Business School

FAEDAH MENYUMBANG KE TABUNG ENDOWMEN UTM

Para penyumbang Tabung Endowmen UTM akan memperoleh beberapa faedah, dan faedah tersebut bergantung kepada jumlah sumbangan yang diberikan. Antara faedah yang diperoleh:

- Pengecualian cukai pendapatan di bawah Sub Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 Ref. JHDN kepada semua penyumbang. Penamaan kursi profesor mengikut cadangan penyumbang (jumlah sumbangan tertentu dan diputuskan bersama antara penyumbang dengan Unit Endowmen UTM).
- Penamaan bangunan/ruang/aset tertentu di UTM (mengikut jumlah sumbangan tertentu dan diputuskan bersama antara penyumbang dengan Unit Endowmen UTM).

Semoga pelbagai faedah yang ditawarkan dapat menyuburkan lagi Budaya Menyumbang dalam kalangan masyarakat.



Majlis SANTAPAN DIRAJA JANA DANA UTM CARES



Universiti Teknologi Malaysia telah menganjurkan dengan jayanya Majlis Santapan Diraja – UTM Royal Gala Dinner 2017, di Dewan Residen, UTM Kuala Lumpur, pada 11 November 2017. Permaisuri Johor, Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah bt Almarhum Sultan Idris Shah telah berkenan berangkat bagi menyempurnakan majlis tersebut.

Penganjuran majlis ini bertujuan mengumpulkan dana UTM CARES yang akan disalurkan ke beberapa tabung kebajikan untuk membantu pelajar di UTM, seperti Tabung Endowmen UTM, Tabung Wakaf Pendidikan UTM dan Tabung Because We Care Chancellor's Fund.

Majlis yang mendapat sambutan amat menggalakkan daripada staf, pelajar dan alumni UTM, serta individu dan pihak korporat telah berlangsung sangat meriah dan berjaya mengumpulkan dana sebanyak lebih RM1.5 juta. Dana yang terkumpul adalah hasil penjualan meja dan sumbangan individu. Semua lima kategori meja yang disediakan telah habis dijual, iaitu meja premier (RM120 ribu), platinum (RM80 ribu), gold (RM60 ribu), silver (RM35 ribu), dan bronze (RM15 ribu).

Majlis turut diserikan dengan kehadiran wakil pihak korporat, antaranya Tan Sri Fng Ah Seng, Pengerusi Yayasan Muhibbah, Dato' Sri Che Khalib Mohamad Noh, Pengerusi MMC Group, dan Dato' Shahir Nasir, Penasihat & Wakil Ranhill SAJ. Dalam majlis tersebut Dato' Seri Che Khalib Mohamad Noh telah menyerahkan replika cek sumbangan bernilai RM1 Juta daripada JohorPort kepada DYMM Raja Zarith Sofiah untuk Tabung Endowmen UTM.

Selain JohorPort, Endowmen UTM turut menerima sumbangan melalui pembelian meja daripada beberapa syarikat, antaranya Ranhill SAJ, Malaysia Building Society Berhad (MBSB), UEM Group, Mangkubumi Sdn Bhd, Sapura Kencana Petroleum Berhad, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT), Asia Baru Construction Sdn Bhd, Bank Islam Malaysia Berhad, Widad Group, Jalur Cahaya Sdn Bhd, Triplec Resources Sdn Bhd, serta beberapa syarikat dan individu yang lain.

Beberapa fakulti, sekolah serta persatuan di UTM turut terlibat dalam menayakan Majlis Santapan Diraja – UTM Royal Gala Dinner 2017. Bagi fakulti sumbangan yang diperolehi akan dimasukkan ke Tabung Endowmen Fakulti masing-masing. Antaranya Persatuan Alumni UTM, UTM Alumni, Sekolah Pengajian Siswazah, Fakulti Sains, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga, MJIT, Fakulti Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Biomedikal dan Kejuruteraan Perubatan, Fakulti Komputeran, Fakulti Pengurusan, Fakulti Pendidikan dan Akademi Bahasa.

KURSI PROFESOR IM @ UTM

Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) telah menyalurkan sumbangan dana sebanyak RM3 juta ke Tabung Endowmen UTM bagi pengwujudan Kursi Profesor IM @ UTM. Pengwujudan kursi profesor ini adalah untuk membantu IRDA dan kerajaan Negeri Johor dalam menjalankan kajian berkaitan ekonomi, kesejahteraan sosial dan kelestarian alam sekitar.

Majlis tanda tangan dan pertukaran memorandum penubuhan Kursi Profesor IM @ UTM antara UTM dengan IRDA telah disempurkan oleh Y.Bhg. Datuk Ismail b. Ibrahim, Ketua Eksekutif IRDA dan Y.Bhg. Prof. Datuk Ir. Wahid b. Omar, Naib Canselor UTM, telah diadakan pada 05 September 2017, di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya. Majlis turut disaksikan oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib b. Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, dan YB Menteri Besar Johor, Dato' Seri Mohamed Khaled b. Nordin.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UTM, Tan Sri Abdul Halim b. Ali, Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Datuk Dr. Ahmad Fauzi b. Ismail, Pengarah Unit Endowmen UTM, Prof. Madya Dr. Yusof b. Boon, Pemangku Bendahari UTM, Tuan Hj. Abu Bakar b. Mohd Salleh, dan Puan Azizah bt. Ismail, Tim. Pendaftar, Pejabat Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

Di UTM Kursi Profesor IM @ UTM ditempatkan di Pusat Penyelidikan Geotropik, Fakulti Kejuruteraan Awam, dan Datuk Prof. Emeritus Dr. Ibrahim b. Komoo telah dilantik sebagai penyandang kursi ini bagi tempoh dua tahun.



Pertukaran memorandum penubuhan Kursi Profesor IM @ UTM

ENGAGEMENT ENDOWMEN – FAKULTI

Sejak mula pengwujudannya pada tahun 2009, Endowmen UTM lebih memberi fokus dan meletakkan tanggungjawab penajaan kewangan untuk membantu pelajar kepada Unit Endowmen UTM. Bermula tahun 2017, Universiti telah mula meletakkan tanggungjawab menajana kewangan untuk membantu pelajar yang memerlukan tidak hanya kepada Unit Endowmen, tetapi harus juga dilakukan oleh fakulti. Pada tahun 2017, universiti telah meletakkan sasaran RM20 juta dapat dijana dalam tabung endowmen, iaitu RM10 juta dalam Tabung Endowmen UTM dan RM10 juta dalam Tabung Endowmen Fakulti. Jumlah sasaran dana dalam Tabung Endowmen Fakulti adalah berbeza-beza, mengikut jumlah staf fakulti berkenaan.

Bagi meningkatkan pemahaman tentang peranan, tanggungjawab dan strategi pengurusan endowmen fakulti, team Endowmen UTM telah mengadakan engagement dengan fakulti di UTM Johor dan UTM Kuala Lumpur dari bulan Februari hingga November 2017. Selain memberi penjelasan tentang Endowmen UTM, sesi engagement turut menjelaskan perbezaan antara Endowmen UTM dengan Wakaf Pendidikan UTM yang masih menimbulkan banyak kekeliruan dalam kalangan staf UTM. Antara perbezaan utama Endowmen UTM dan Wakaf Pendidikan UTM adalah seperti berikut:

Perkara	Endowmen UTM	Wakaf Pendidikan UTM
Penyerahan	Niat sedekah jariah.	Akad wakaf.
Jenis Sumbangan	Terdapat dua bentuk: a. Endowed – wang sumbangan dilaburkan dalam aktiviti patuh syariah dan hanya hasil pelaburan (hibah) yang akan digunakan. b. Expendable - wang sumbangan digunakan sehingga habis mengikut kehendak@ tujuan penyumbang.	Wang sumbangan akan dilaburkan dalam aktiviti patuh syariah dan hanya hasil pelaburan (hibah) yang akan digunakan.
Pemilikan	Endowmen sepenuhnya dimiliki oleh UTM.	Wakaf Pendidikan dimiliki bersama UTM dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ).
Penggunaan Hasil Pelaburan (Hibah)	Hasil pelaburan@hibah Endowmen digunakan untuk: • 10% Pengurusan Endowmen UTM. • 90% bantuan kewangan kepada pelajar UTM, sama ada dalam bentuk biasiswa ataupun membeli keperluan harian.	Hasil pelaburan@hibah Wakaf Pendidikan digunakan untuk: • 10% Pengurusan Wakaf Pendidikan UTM. • 10% Majlis Agama Islam Negeri Johor. • 30% bantuan kewangan kepada pelajar UTM. • 50% dilaburkan semula.
Penyumbang	Terbuka kepada semua kaum dan agama.	Lebih tertumpu kepada masyarakat Islam.
Penamaan Ruang	Dengan persetujuan penyumbang, ruang tertentu di UTM boleh dinamakan dengan nama penyumbang (mengikut jumlah sumbangan yang ditetapkan).	Tiada penamaan ruang.

Sesi engagement ini telah dapat memberi kefahaman yang lebih baik dan jelas tentang Endowmen UTM, serta telah berjaya meningkatkan jumlah penyumbang dan sumbangan setiap bulan. Pada masa ini sebanyak 568 orang staf UTM telah menyumbang ke Tabung Endowmen UTM melalui potongan gaji setiap bulan, iaitu 291

orang staf akademik dan 277 staf bukan akademik, dengan jumlah minima sumbangan RM1 dan jumlah maksima RM1,500 sebulan. Jumlah keseluruhan sumbangan staf UTM ke Tabung Endowmen UTM melalui potongan gaji adalah sebanyak RM16,918.94 sebulan.



Engagement di FBME

BORANG SUMBANGAN TABUNG ENDOWMEN UTM AKUAN SUMBANGAN

Saya bersetuju memberi sumbangan untuk Tabung Endowmen UTM sebanyak RM _____ secara

Tunai/Cek
(Nombor Cek: _____)

Bank Deraf
(No. Rujukan : _____)

Deposit Ke Akaun Bank **UTM – CIMB**
(No. Akaun: **8006053536**)

Deposit ke Akaun Endowmen **UTM – AMBANK**
(No. Akaun: **8881020983100**)

Potongan Gaji (Staf UTM sahaja)

Jumlah Ringgit Malaysia (RM) : _____

Tandatangan : _____

Nama : _____

Alamat : _____

Tel./HP : _____

Staf ID & No. KP : _____

ASIAN FINANCE BANKING SUMBANG RM25 RIBU BANTU PELAJAR UTM

Pada Ogos 2017 yang lalu, Unit Endowmen UTM telah menerima cek sumbangan sebanyak RM25 ribu daripada Asian Finance Bank untuk membantu pelajar UTM yang menghadapi masalah untuk menyelesaikan program pengajian.

Inisiatif Asian Finance Bank adalah usaha terpuji dan boleh dijadikan contoh kepada pihak lain dalam melaksanakan tanggung jawab sosial (CSR), khususnya membantu pelajar yang menghadapi masalah kewangan untuk melengkapkan program pengajian masing-masing di UTM.

PENGANTARABANGSAAN ENDOWMEN UTM

Endowmen UTM telah memulakan usaha mendekati masyarakat antarabangsa untuk menyumbang ke Tabung Endowmen UTM. Promosi dan perbincangan awal telah dilakukan di tiga buah negara ASEAN, iaitu Kemboja, Indonesia dan Brunei Darussalam.

Promosi telah dilakukan pada 20 Jun 2017 di Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh, Kemboja. Promosi kepada wakil-wakil lima buah bank Malaysia yang beroperasi di Kemboja, iaitu Maybank, RHB Bank, Public Bank, CIMB Bank dan Hong Leong Bank, turut dihadiri Duta Besar Malaysia di Kemboja, Y.Bhg. Dato' Sri Hassan b. Malik.

Sementara itu, promosi Endowmen UTM turut diadakan kepada ahli-ahli perniagaan di Batam, Indonesia pada 20 Ogos 2017, dan perbincangan awal bagi mempromosikan Endowmen UTM di Brunei Darussalam telah dilakukan bersama beberapa orang pegawai Kementerian Agama, negara Brunei Darussalam pada 15 September 2017. Perbincangan dan promosi awal yang dilakukan telah memberi harapan yang positif terhadap perkembangan Tabung Endowmen UTM ke luar negara, khususnya negara ASEAN.

ENDOWMEN UTM TERLIBAT PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI KEMBOJA

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, UTM dengan sokongan dan kerjasama pelbagai pihak serta pihak Kedutaan Besar Malaysia di Kemboja, aktif melaksanakan pelbagai program komuniti di Kemboja bagi membantu masyarakat di sana menikmati kehidupan lebih sempurna.

Pelbagai program telah dijalankan, antaranya naik taraf dan penambahbaikan sekolah, surau dan masjid, pembinaan telaga tiub untuk penyediaan air bersih, perkhidmatan kesihatan dan berkhatan, melaksanakan program aqiqah dan korban, serta bantuan kewangan kepada masyarakat yang memerlukan.

Berbeza berbanding tahun-tahun sebelumnya, pelaksanaan program tahun ini di bawah Program Kembara Lestari Komuniti Kemboja pada 29 Ogos – 02 September 2017, Unit Endowmen telah terlibat secara langsung sebagai penyelaras penerimaan dan pengagihan wang sumbangan untuk melaksanakan pelbagai aktiviti komuniti di Kemboja seperti yang ditentukan oleh penyumbang. Penyelarasan wang sumbangan ini perlu untuk memberi impak yang lebih besar kepada UTM kerana wang sumbangan yang diterima akan dimasukkan dalam Tabung Endowmen UTM terlebih dahulu dan boleh dikira sebagai gift kepada UTM dalam beberapa siri audit yang akan dilakukan di UTM seperti MyRA II, MyMoheS dan SETARA.

Program Kembara Lestari Komuniti Kemboja 2017 telah berjaya mengumpulkan wang sumbangan sebanyak lebih RM230 ribu. Program yang diketuai oleh Dr. Mohd Hisham Rashidi, telah dapat dilaksanakan dengan jayanya dengan kerjasama beberapa rakan strategik, seperti Yayasan Salam Malaysia, Media Prima (TV3), EM Malaysia Group, Sekolah Agama Rakyat Sri Seremban dan Alumni Sekolah Alam Shah. UTM merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada para sukarelawan UTM (staf dan pelajar), dan para penyumbang, sama ada individu ataupun kumpulan yang telah menjayakan program ini di Kampung Khleang Sbek dan Koh Sohtin, Kemboja.

PROMOSI ENDOWMEN UTM

Pelbagai usaha telah dilakukan Unit Endowmen UTM dalam menyemarakkan amalan sedekah jariah serta memugar Budaya Menyumbang dalam kalangan warga UTM dan masyarakat. Beberapa program promosi telah dijalankan, antaranya promosi dalam Majlis Konvokesyen UTM Ke-58, Majlis Pendaftaran Mahasiswa Baharu sesi 2017/18, dan Seminar Umrah Ziarah di Sungai Petani, Kedah. Ketiga-tiga program promosi turut berjaya menerima sumbangan sebanyak lebih RM18,000 daripada ibu bapa pelajar dan masyarakat yang prihatin.



Setem

PENGARAH ENDOWMEN

Unit Endowmen

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

Aras 4, Bangunan Canselori Sultan Ibrahim

Universiti Teknologi Malaysia

81310 Skudai, Johor